

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Datuk Raime bin Unggi
[Tenom]**

TARIKH : 10.06.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 19

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan langkah Kementerian bagi memperkasakan pembangunan kawasan luar bandar termasuk di Sabah bagi memastikan kawasan luar bandar tidak tercicir daripada arus pembangunan negara masa kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian telah dan sedang menggiatkan usaha dalam meningkatkan keupayaan modal insan dan menyediakan infrastruktur asas telah dilakukan sebagai asas dan syarat untuk menggiatkan lagi aktiviti ekonomi setempat. Di bawah Program Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP2.0) iaitu NKRA Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar, selain daripada inisiatif penyediaan infrastruktur asas, Kementerian juga diberi tanggung jawab untuk melaksanakan inisiatif baru iaitu Program Desa Lestari dan *Rural Business Challenge* (RBC). Matlamat pelaksanaan kedua-dua inisiatif ini adalah untuk menggalakkan golongan belia kekal di kampung bagi membangunkan kampung-kampung yang mempunyai potensi atau sumber-sumber yang tersendiri dan unik yang boleh dibangunkan menjadi perniagaan luar bandar yang mampan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan kawasan luar bandar menerima perkhidmatan setaraf dengan bandar, Program Transformasi Luar Bandar atau RTP telah dilaksanakan sejak tahun 2012 bagi memastikan kawasan luar bandar ditransformasikan supaya mampu menarik pelaburan swasta, menyediakan peluang pekerjaan dan kegiatan ekonomi serta menggalakkan generasi

muda kembali berkhidmat. Di bawah RTP, Kementerian diberi tanggung jawab diberi tanggung jawab untuk mewujudkan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) serta Pusat Transformasi Luar Bandar Mini (Mini RTC) yang berfungsi sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi luar bandar.

Untuk makluman YB juga, selain daripada KKLW, beberapa kementerian/ agensi lain turut melaksanakan program-program di bawah RTP seperti berikut:

- (i) pewujudan Dana Perkhidmatan Profesional bagi golongan profesional seperti peguam, doktor dan akauntan untuk membuka firma di pekan kecil;
- (ii) peningkatan akses perkhidmatan perbankan kepada penduduk luar bandar melalui pelantikan agen-agen BSN di kawasan luar bandar di seluruh negara untuk menyediakan perkhidmatannya; dan
- (iii) penyediaan pinjaman mudah kepada pengusaha bas henti-henti, bas mini dan bas sekolah luar bandar bagi menyediakan kemudahan perkhidmatan bas yang lebih selesa, boleh dipercaya dan berkualiti.